

KEKOSONGAN JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI (TETAP) DI PUSAT PENGAJIAN PERUMAHAN, BANGUNAN DAN PERANCANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI DS13 / DS14 / GRED KHAS C

BIDANG

Ukur Bangunan

KELAYAKAN

- i. Memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang **Ukur Bangunan / Alam Bina** atau yang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia
- ii. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ukur Bangunan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia
- iii. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

SYARAT MINIMA

I. PENSYARAH UNIVERSITI GRED KHAS C (PROFESOR)

- a. 20 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan sepuluh (10) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS /Scopus

ATAU

Sekurang-kurangnya 15 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** kombinasi lima (5) penerbitan bab buku penyelidikan dan buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM200,000.

- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum dua (2) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum dua (2) pelajar PhD sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan **DAN** dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat antarabangsa.
- f. Mempunyai perundingan luar luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM100,000.
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penglibatan di peringkat Universiti **DAN** tiga (3) penglibatan di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

II. PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)

- a. 10 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan lima (5) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS/Scopus

ATAU

Sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden / Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) **dan** empat (4) penerbitan bab buku penyelidikan atau satu (1) buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b. Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM100,000.
- c. Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum satu (1) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d. Mengijazahkan minimum satu (1) pelajar PhD sebagai PENYELIA UTAMA.
- e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan.
- f. Mempunyai perundingan luar luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM40,000 (Sains).
- g. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penglibatan di peringkat Jabatan/Pusat Pengajian/Pusat **DAN** dua (2) penglibatan di peringkat Universiti/kebangsaan/antarabangsa.

III. PENSYARAH UNIVERSITI DS13

- a. Sekurang-kurangnya empat (4) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*).
- b. Pengalaman pengajaran sekurang-kurangnya satu (1) semester / pengalaman dalam bidang industri minimum tiga (3) tahun / pasca doktoral minimum dua (2) tahun.

SPESIFIKASI TUGAS

- i. Calon yang berjaya dikehendaki menjalankan pengajaran, pentadbiran, penyelidikan dan penyeliaan.
- ii. Melibatkan diri dalam perundingan, pengkomersilan serta khidmat kepada universiti dan masyarakat.
- iii. Menerbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal berimpak tinggi.
- iv. Memegang geran penyelidikan sebagai Penyelidik Utama atau Penyelidik Bersama.
- v. Menguruskan kursus akademik dengan cemerlang.
- vi. Menyelia pelajar siswazah.

CARA MEMOHON

Sila majukan secara emel butiran jaya diri (CV), Sijil Akademik dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **30 MEI 2025** kepada:

DEKAN
Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang
Emel: dean_hbp@usm.my

Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.